

30 MAR 2002

Ghani-Singapura

SINGAPURA SENGAJA TERUSKAN PENAMBAKAN LAUT, KATA GHANI

JERTIH, 30 Mac (Bernama) -- Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman berkata Singapura mungkin sengaja meneruskan kerja-kerja penambakan laut walaupun ia mendapat bantahan Malaysia demi untuk menjaga kepentingan ekonominya.

Beliau berkata ini kerana ekonomi negara jiran itu sedikit terjejas ekoran kewujudan pelabuhan Pasir Gudang di Johor.

"Apa yang boleh dilihat sekarang penambakan laut yang dilakukan itu nyata bertujuan untuk menyempitkan laluan kapal ke pelabuhan Pasir Gudang yang kini menjadi ancaman pada ekonomi negara itu.

"Kita percaya mungkin terdapat unsur-unsur sengaja dilakukan dalam kerja-kerja penambakan laut hingga sebarang pandangan dan bantahan yang dilakukan oleh Malaysia tidak dipedulikan langsung." katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Besut di Bangunan Umno Besut di sini hari ini.

Akhbar hari ini melaporkan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang membidas Singapura kerana keengganan republik itu bertolak ansur dengan terus menambak lautnya di Selat Tebrau hingga menjejaskan perairan yang dikongsi bersama Malaysia.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Pembangunan Negara Singapura Mah Bow Tan yang dilaporkan memberitahu Parlimen republik itu bahawa mereka akan terus menambak laut walaupun menerima rungutan Malaysia yang bimbang ia menjejaskan laluan kapal dan alam sekitar di perairan itu.

Abdul Ghani berkata Singapura sepatutnya berfikir secara mendalam tentang apa yang dikatakan Perdana Menteri kerana langkah yang diambil republik itu mempunyai banyak implikasi dan amat tidak disenangi rakyat Johor.

Beliau berkata pembangunan pesat yang berlaku di Johor sejak beberapa tahun kebelakangan ini menyebabkan Singapura kini merasakan Johor adalah saingan kepada ekonominya.

"Sejak pelabuhan Pasir Gudang dibina, Singapura dikatakan telah kehilangan hasil pelabuhan sebanyak 15 peratus dalam tempoh dua tahun ini.

"Ini menyebabkan mereka merasakan Johor adalah saingan, bukan lagi dapat dijadikan sebagai pelengkap kepada ekonominya," katanya.

Abdul Ghani berkata Singapura sepatutnya menerima hakikat bahawa kedudukan Johor sebagai pelabuhan memang strategik berbanding Jurong yang kini sudah jauh ketinggalan.

Sementara itu di KOTA TINGGI, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Singapura sepatutnya menghentikan kerja penambakan lautnya apabila Timbalan Perdana Menteri Lee Hisien Loong memberi jaminan kepada kerajaan Malaysia bahawa republik itu akan menimbang bantahan yang dikemukakan oleh Malaysia.

Beliau berkata Malaysia beranggapan keadaan penambakan dan isu itu akan reda berikutan jaminan itu tetapi sebaliknya yang berlaku apabila Singapura meneruskan penambakan.

"Sekurang-kurangnya mereka patut menghormati kita dan memberhentikan sementara penambakan itu sehinggalah kita membentangkan kita punya bantahan," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Syed Hamid berkata dalam amalan kejiwaan yang baik, sepatutnya Singapura tidak hanya memikirkan kepentingan dirinya semata-mata tetapi juga kesan setiap tindakannya ke atas jirannya yang dekat seperti Malaysia.

"Kita tidak mempersoalkan hak dia dalam wilayahnya tetapi mempertikaikan kesan penambakan itu kepada kita yang amat mendalam sekali seperti ke atas alam sekitar, laluan kapal di laut dan pelabuhan kita," katanya mengulangi bahawa kesan-kesan negatif itu banyak ditulis oleh para pakar.

Ketika memberikan contoh sikap tanggungjawab Malaysia terhadap jirannya Singapura, Syed Hamid berkata Malaysia telah memberi jaminan akan terus membekalkan air kepada Singapura dengan harga yang ditetapkan oleh Malaysia.

"Sikap yang macam ini membuktikan timbang rasa dan tanggungjawab kita dan Singapura sepatutnyalah bersikap sedemikian juga terhadap kita," katanya.

Sambil berkata tiadak gunanya Malaysia dan Singapura bertelagah antara satu sama lain, beliau berkata republik itu perlu menunjukkan minat dan kesediaannya untuk menyelesaikan masalah penambakan itu dengan baik.

-- BERNAMA

ND MNY NAK